

Festival Opera FKSU kembali meriahkan medan teater anak muda UMS

VB 14.4.2019 B1

UNTUK kesekian kalinya tahun ini bermula dari 10 hingga 24 April berlangsung Festival Opera yang menampilkan beberapa kumpulan yang dianggotai para pelajar tahun akhir Seni Kreatif jurusan Teater.

Festival ini merupakan bentuk penilaian akhir yang melibatkan pelajar tahun akhir untuk mementaskan teater karya pilihan mereka ke pentas Resital UMS.

Seperti tahun tahun sebelumnya, festival ini adalah acara wajib bagi tujuan memberikan pendedahan dan peluang kepada para pelajar akhir untuk menegetengahkan hasil karya mereka melalui beberapa skop penilaian yang antaranya ialah Dalam Bidang Pengarahan, Lakonan Dan Pengarahan Artistik.

Teater Nota Kamar

Secara ringkasnya teater ini mengesahkan perihai empat orang sahabat yang ditemukan semula dalam sebuah bilik yang telah dirancang oleh salah seorang daripada mereka dalam kes pembunuhan Azman sewaktu mereka di bangku sekolah menengah.

Mereka saling tuduh menuduh siapa sebenarnya yang membunuh Azman. Bermula dengan nota

yang diberikan pada setiap seorang sebagai klu mereka untuk terlepas dari dalam bilik itu. Mereka masing-masing membongkar satu rahsia siapa yang sebenarnya membunuh Azman.

Barisan pelakon yang menjayakan pementasan ini terdiri daripada para pelajar Program Seni kreatif Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan. Antaranya ialah Muhammad Hanif Bin Mustamin sebagai Luqman, Nor Suhada Boinan sebagai Farina, Alleycia Kaim sebagai Raisya, Zulhamijan sebagai Luqman Muda dan Jorosemy Jreey sebagai Azman.

Sementara itu, Teater Lelaki Marlboro mengisahkan tentang seorang lelaki yang berstatus suami orang yang ingin mencari kebahagiaan di masa hadapan.

Walaupun Lelaki Marlboro sudah memiliki isteri, dia masih lagi tidak merasa bahagia. Lelaki Marlboro mempunyai kisah hitam dalam hidupnya. Namun begitu, dia telah berubah sejak berkahwin dengan wanita bernama Anissa Tulip dan Lelaki Marlboro mula mendekati diri dengan ilmu agama. Amirul Shafiq terlalu taksab dengan sepotong ayat al-Quran yang dipelajarinya selama tiga

bulan. Oleh itu, dia percaya bahawa dia akan mendapat kebahagiaan yang diinginkan dengan mencari perempuan yang sesuai berdasarkan ayat al-Quran tersebut. Sepanjang tempoh pencariannya, dia berjumpa dengan Pelacur dan Mangsa Rogol yang dianggap sesuai dengan apa yang digambarkan oleh surah tersebut dan kisah silam setiap watak terungai dalam naskah Lelaki Marlboro.

Pelakon dalam teater terbitan Menawan Production ini dibarisi oleh pelajar tahun 3 yang mengambil jurusan Seni Kreatif (Major Teater). Barisan pelakon bagi Teater Lelaki Marlboro antaranya, Mohd Yusuf Abdul Wahab sebagai Lelaki Marlboro, Sunarti Yahya memegang watak sebagai Isteri, Nur Mariah Prudente memegang watak sebagai Pelacur dan Dg. Farah Athirah sebagai Mangsa Rogol.

Bukan itu sahaja, pengarah dan pengarah artistik bagi teater ini juga adalah pelajar tahun 3 yang akan dinilai antaranya Siti Nor Salmiaida sebagai pengarah dan Nur Happi Hidayah sebagai pengarah artistik. Kedua-dua pengarah menerapkan beberapa elemen kejutan yang akan dipersembahkan dari segi artistik dan lakonan.